



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROGRAM TECHNICAL ADVISORY MISSION 2024 (TAM2024) KE ARAH MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN ANGKASA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 MEI 2024 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Bahagian Penguasa Angkasa (BPAngkasa) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bersama Pejabat Hal Ehwal Angkasa Lepas (UNOOSA) telah menganjurkan Program Technical Advisory Mission 2024 (TAM2024) dalam usaha memperkasakan pembangunan kepakaran tempatan dari aspek perundangan dan teknologi angkasa domestik dan antarabangsa.

TAM2024 adalah siri projek yang diwujudkan oleh UNOOSA yang dikenali sebagai *The Space Law for New Space Actors*. Ini adalah salah satu usaha untuk memperkasakan negara ahli termasuk Malaysia dalam memastikan agenda angkasa masing-masing dilaksanakan dengan selamat dan selari dengan undang-undang antarabangsa. Melalui projek ini, UNOOSA menawarkan peluang pembangunan kapasiti dalam undang-undang angkasa serta khidmat nasihat perundangan kepada badan penguatkuasa angkasa di negara-negara yang masih baharu dalam aktiviti angkasa.

Fokus penganjuran TAM2024 kali ini adalah menjurus kepada perundangan pengoperasian tapak pelancar (*spaceport*) melalui pemberian permit dan pelesenan objek angkasa selari dengan keperluan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] dan menyokong kepada pelan tindakan Dasar Angkasa Negara - *Malaysian Space Exploration 2030*.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim melalui ucapannya menekankan kepentingan setiap negara mempunyai ekosistem angkasa yang lengkap dan mematuhi perundangan antarabangsa.

“Malaysia percaya bahawa untuk membangunkan ekosistem angkasa yang komprehensif, adalah menjadi keutamaan untuk mewujudkan struktur tadbir urus yang sesuai bagi memastikan pembangunan teknologi angkasa lepas dilaksanakan dengan selamat dan bertanggungjawab mengikut perundangan angkasa lepas tempatan dan antarabangsa,” katanya pada majlis penutupan program TAM2024 yang berlangsung di Ibu Pejabat MYSA, Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya, program ini telah melibatkan penyertaan sejumlah besar pakar antarabangsa iaitu seramai 16 orang yang mana lapan (8) daripadanya telah hadir secara fizikal manakala lapan (8) lagi pakar terlibat secara dalam talian dengan 100 penyertaan daripada anggota Lembaga Angkasa Malaysia, wakil-wakil Kementerian, Jabatan, Agensi, Bahagian-Bahagian di MOSTI, Kerajaan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi dan pemain industri yang berkaitan sektor angkasa.

Penganjuran TAM2024 di Malaysia telah memberi peluang kepada pihak Kerajaan dan lain-lain pihak yang berkepentingan untuk lebih memahami polisi dan perundangan angkasa di samping meningkatkan pembangunan kepakaran tempatan sekaligus menyokong pengoperasian Akta 834 kelak.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

16 MEI 2024